

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2014**  
**KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK**

**KELAYAKAN :  
KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS															
	<p>Perenggan 6 (i): <b>Terhad kepada pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang bersalin</b></p> <p>Perenggan 6 (ii): <b>Tempoh keseluruhan kemudahan Cuti Menjaga Anak termasuk Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin terhad sehingga lima (5) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan.</b></p>																
BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS															
1.	<p>Pada tahun 2006, 2009 dan 2012, Puan Hazwani mengambil kemudahan Cuti Menjaga Anak selepas <b>melahirkan anak</b> masing-masing 90 hari, 350 hari dan 690 hari.</p> <p>Pada tahun 2015, pegawai akan melahirkan anak keempat dan bercadang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak. Adakah pegawai layak?</p>	<p>Pegawai layak baki kemudahan Cuti Menjaga Anak <b>695 hari</b> (untuk kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin). Pengiraan kelayakan Cuti Menjaga Anak adalah seperti yang berikut:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td><b>Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak</b></td> <td><b>:</b></td> <td><b>1,825 hari</b></td> </tr> <tr> <td><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2006 [anak pertama]</td> <td><b>:</b></td> <td>90 hari</td> </tr> <tr> <td><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2009 [anak kedua]</td> <td><b>:</b></td> <td>350 hari</td> </tr> <tr> <td><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2012 [anak ketiga]</td> <td><b>:</b></td> <td>690 hari</td> </tr> <tr style="border-top: 1px solid black;"> <td>Baki Cuti Menjaga Anak pada 2015 [anak keempat]</td> <td><b>:</b></td> <td><b>* 695 hari</b></td> </tr> </table> <p>*Sekiranya pegawai menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan Cuti Bersalin kelayakan terhad sehingga 365 hari daripada jumlah kelayakan keseluruhan 695 hari.</p>	<b>Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak</b>	<b>:</b>	<b>1,825 hari</b>	<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2006 [anak pertama]	<b>:</b>	90 hari	<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2009 [anak kedua]	<b>:</b>	350 hari	<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2012 [anak ketiga]	<b>:</b>	690 hari	Baki Cuti Menjaga Anak pada 2015 [anak keempat]	<b>:</b>	<b>* 695 hari</b>
<b>Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak</b>	<b>:</b>	<b>1,825 hari</b>															
<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2006 [anak pertama]	<b>:</b>	90 hari															
<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2009 [anak kedua]	<b>:</b>	350 hari															
<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2012 [anak ketiga]	<b>:</b>	690 hari															
Baki Cuti Menjaga Anak pada 2015 [anak keempat]	<b>:</b>	<b>* 695 hari</b>															

**KELAYAKAN:  
KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG TIDAK TERIKAT DENGAN CUTI  
BERSALIN**

Perenggan 7 (i):

**Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan Cuti Bersalin melibatkan pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang mempunyai:**

- (a) anak kandung;
- (b) anak tiri tanggungan;
- (c) anak angkat *de facto*;
- (d) anak angkat; dan
- (e) anak pelihara.

Perenggan 7 (ii):

**Tempoh kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin yang dibenarkan terhad sehingga satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai lima (5) tahun, mengikut mana yang terdahulu.**

BIL.	SOALAN	MAKLUMBALAS
2.	<p>Puan Zanariah mempunyai seorang anak kandung dan seorang anak angkat yang berusia <b>4 tahun 6 bulan</b>.</p> <p>Anak angkat pegawai telah menjalani rawatan di hospital dan pegawai bercadang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak.</p> <p>Bolehkah pegawai menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak untuk menjaga <b>anak angkat</b>?</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak yang <b>tidak terikat</b> dengan tempoh Cuti Bersalin, terhad sehingga 6 bulan (183 hari) kerana anak angkat pegawai telah berusia 4 tahun 6 bulan ketika permohonan dikemukakan dan tertakluk kepada syarat <b>satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak berumur lima (5) tahun</b>, mana yang terdahulu.</p>

Perenggan 7 (iii):

**Tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan tempoh Cuti Bersalin dikira sebagai sebahagian daripada lima (5) tahun yang diperuntukkan bagi Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
3.	<p>Puan Hayati telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin sebanyak <b>100 hari</b> untuk menjaga anak kandungnya dan telah menggunakan</p>	<p>Jumlah baki kelayakan Cuti Menjaga Anak bersambung dengan Cuti Bersalin adalah sebanyak 1,542 hari dengan pengiraan seperti yang berikut:</p>

<p>kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan Cuti Bersalin sebanyak <b>183 hari</b> untuk menjaga anak angkat. Beliau bercadang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak selepas bersalin anak kedua pada Jun 2015.</p> <p>Apakah kelayakan menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin?</p>	<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding-left: 40px;">Jumlah kelayakan : 1,825 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 40px;">Cuti Menjaga Anak</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(tolak) Cuti Menjaga Anak : 100 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 40px;">(anak kandung)</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 20px;">(tolak) Cuti Menjaga Anak : *183 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 40px;">(anak angkat)</td> </tr> <tr> <td style="border-top: 1px solid black; padding-left: 40px;">Baki Cuti Menjaga Anak : 1,542 hari</td> </tr> </table> <p>*Sekiranya pegawai menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan Cuti Bersalin tempoh adalah terhad kepada <b>baki 182</b> hari sahaja.</p>	Jumlah kelayakan : 1,825 hari	Cuti Menjaga Anak	(tolak) Cuti Menjaga Anak : 100 hari	(anak kandung)	(tolak) Cuti Menjaga Anak : *183 hari	(anak angkat)	Baki Cuti Menjaga Anak : 1,542 hari
Jumlah kelayakan : 1,825 hari								
Cuti Menjaga Anak								
(tolak) Cuti Menjaga Anak : 100 hari								
(anak kandung)								
(tolak) Cuti Menjaga Anak : *183 hari								
(anak angkat)								
Baki Cuti Menjaga Anak : 1,542 hari								

**SYARAT-SYARAT KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG BERSAMBUNG DARIPADA CUTI BERSALIN**

<p>Perenggan 8(i): <b>Tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak akan bermula pada tarikh selepas tamatnya tempoh Cuti Bersalin bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh.</b></p>		
BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
4.	<p>Puan Marlina mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak <b>70 hari</b> dan tidak pernah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebelum ini. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin?</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin, terhad <b>sehingga 1,825 hari</b> bermula pada tarikh <b>selepas tamatnya tempoh 70 hari</b> Cuti Bersalin bergaji penuh.</p>
5.	<p>Puan Syakira, seorang guru masih mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak <b>20 hari</b>. Pegawai dijangka bersalin semasa penggal sekolah iaitu 20 Februari 2015. Pegawai pernah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak <b>820 hari</b> pada tahun 2009.</p> <p>Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin semasa penggal sekolah?</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin seperti yang berikut:</p> <p>(i) menghabiskan baki 20 hari Cuti Bersalin bergaji penuh; dan</p> <p>(ii) menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak pada tarikh selepas tamat tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh terhad kepada 1005 hari jika menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak bersambung dengan Cuti Bersalin;</p>

		<p>Pengiraan seperti yang berikut:</p> <p style="text-align: right;">Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin : 1,825 hari</p> <p style="text-align: right;"><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2009 : 820 hari</p> <hr/> <p style="text-align: right;">Baki Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin : 1,005 hari</p>
6.	<p>Puan Huda hanya mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak <b>30 hari</b> dan baki Cuti Rehat sebanyak <b>30 hari</b>.</p> <p>Disebabkan Cuti Menjaga Anak merupakan Cuti Tanpa Gaji, pegawai bercadang untuk menghabiskan Cuti Bersalin bergaji penuh dan diikuti dengan Cuti Rehat dan seterusnya Cuti Menjaga Anak.</p> <p>Adakah pegawai layak untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin?</p>	<p>Pegawai <b>tidak layak</b> kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin kerana telah menggunakan kemudahan Cuti Rehat terlebih dahulu selepas Cuti Bersalin bergaji penuh.</p> <p>Namun, pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin, terhad sehingga 365 hari selepas menggunakan baki Cuti Rehat sebanyak 30 hari.</p>
<p>Perenggan 8(ii): <b>Tempoh kemudahan Cuti Menjaga Anak akan bermula pada tarikh pegawai melahirkan anak bagi pegawai yang telah menggunakan sepenuhnya 300 hari kelayakan kemudahan Cuti Bersalin.</b></p> <p>Perenggan 8 (iii): <b>Kemudahan Cuti Menjaga Anak boleh diambil sama ada secara sekali gus sehingga lima (5) tahun atau sebahagian daripadanya.</b></p> <p>Perenggan 8 (iv): <b>Pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sepenuhnya sehingga lima (5) tahun, tidak lagi layak sebarang kemudahan Cuti Menjaga Anak.</b></p>		
BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
7.	<p>Puan Nadia dijangka melahirkan anaknya yang kelima pada 20 Januari 2015. Namun demikian, pegawai telah menggunakan sepenuhnya kelayakan 300 hari Cuti Bersalin bergaji penuh. Pegawai tidak pernah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebelum ini.</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak mulai dari tarikh bersalin, terhad sehingga 1,825 hari sepanjang tempoh perkhidmatan. Sekiranya pegawai memilih menggunakan tempoh 1825 hari secara sekali gus, maka pegawai tidak layak sebarang kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti Bersalin atau tidak</p>

	Bolehkah pegawai menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak dan bilakah tarikh Cuti Menjaga Anak pegawai bermula?	terikat dengan Cuti Bersalin.						
8.	<p>Puan Faezah, seorang guru akan melahirkan anaknya yang ketujuh semasa penggal sekolah. Pegawai tidak mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh dan pernah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak 600 hari pada tahun 2010.</p> <p>Adakah pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak secara sekali gus?</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak mulai dari tarikh bersalin, terhad kepada baki sebanyak 1,225 hari dengan pengiraan seperti berikut:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding-right: 20px;">Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin</td> <td style="text-align: right;">: 1,825 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-right: 20px;"><i>(tolak)</i> Tempoh Cuti Menjaga Anak 2010</td> <td style="text-align: right;">: 600 hari</td> </tr> <tr> <td style="border-top: 1px solid black; padding-top: 5px;">Baki Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin</td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black;">: * 1,225 hari</td> </tr> </table> <p>*Pegawai boleh menggunakan baki 1225 hari secara sekali gus atau sebahagian tertakluk kepada keperluan.</p>	Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin	: 1,825 hari	<i>(tolak)</i> Tempoh Cuti Menjaga Anak 2010	: 600 hari	Baki Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin	: * 1,225 hari
Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin	: 1,825 hari							
<i>(tolak)</i> Tempoh Cuti Menjaga Anak 2010	: 600 hari							
Baki Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin	: * 1,225 hari							

Perenggan 8 (v):

**Pegawai yang telah menggunakan sebahagian daripada lima (5) tahun bagi satu kelahiran, boleh menggunakan baki Cuti Menjaga Anak bagi kelahiran anak yang seterusnya atau kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin; dan**

Perenggan 8 (vi):

**Pegawai yang telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan Kemudahan Cuti Menjaga Anak yang terdahulu, hendaklah ditolak daripada jumlah kelayakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
9.	<p>Puan Fara mempunyai seorang anak berumur tiga (3) tahun. Pegawai telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin sebanyak 400 hari selepas melahirkan anaknya pada tahun 2010 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007.</p> <p>Adakah pegawai masih boleh menggunakan baki kemudahan Cuti Menjaga Anak bagi menjaga anak pertama beliau memandangkan pernah menggunakan kemudahan ini pada</p>	<p>Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak terikat dengan Cuti Bersalin untuk menjaga anak pertama terhad 365 hari yang merupakan sebahagian daripada tempoh baki 1425 hari.</p> <p>Kemudahan Cuti Menjaga Anak bersambung dengan Cuti Bersalin boleh digunakan bagi kelahiran seterusnya.</p>

<p>tahun 2010 atau terhad untuk anak yang kedua dan seterusnya sahaja?</p>	<p>Pengiraan seperti yang berikut:</p> <p style="text-align: right;">Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin : 1,825 hari</p> <hr/> <p style="text-align: right;"><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak 2010 : 400 hari</p> <p style="text-align: right;">Baki Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin dan tidak terikat dengan Cuti Bersalin : * 1425 hari</p> <hr/> <p>Pegawai yang telah diluluskan Cuti Menjaga Anak berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan terdahulu adalah diteruskan.</p>
--	---

**SYARAT-SYARAT KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG TIDAK TERIKAT DENGAN CUTI BERSALIN**

<p>Perenggan 9 (ii): <b>Pegawai boleh mengambil Cuti Menjaga Anak sama ada secara sekali gus atau sebahagian terhad sehingga satu (1) tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak berumur lima (5) tahun, mengikut mana yang terdahulu.</b></p>		
BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
10.	<p>Puan Rizawati telah menggunakan kelayakan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin sebanyak 730 hari. Selepas kembali bertugas selama 1 tahun, pembantu rumah beliau telah menghilangkan diri secara tiba-tiba. Beliau berhasrat untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin. Pada ketika itu, anak beliau berumur 3 tahun 3 bulan.</p> <p>Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan tempoh Cuti bersalin?</p>	<p>Pegawai layak kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin terhad sehingga 365 hari (1 tahun) sepanjang tempoh perkhidmatan.</p>

Perenggan 9 (iii):

**Pegawai yang telah menggunakan sebahagian kemudahan Cuti Menjaga Anak daripada satu (1) tahun, layak mendapat baki kemudahan Cuti Menjaga Anak yang belum digunakan.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS						
11.	<p>Puan Diana telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin sebanyak 200 hari bagi anaknya yang pertama. Selepas kembali bertugas selama 3 bulan, anaknya dimasukkan ke hospital dan pegawai ingin menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak ini.</p> <p>Adakah pegawai layak menggunakan baki kemudahan Cuti Menjaga Anak?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan baki kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin sebanyak 165 hari dengan pengiraan seperti berikut:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding-right: 10px;">Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin</td> <td style="text-align: right;">: 365 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-right: 10px;">(tolak) Tempoh Cuti Menjaga Anak telah diambil</td> <td style="text-align: right;">: 200 hari</td> </tr> <tr> <td style="border-top: 1px solid black; padding-top: 5px;">Baki Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin</td> <td style="border-top: 1px solid black; text-align: right;">: 165 hari</td> </tr> </table>	Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin	: 365 hari	(tolak) Tempoh Cuti Menjaga Anak telah diambil	: 200 hari	Baki Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin	: 165 hari
Jumlah kelayakan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin	: 365 hari							
(tolak) Tempoh Cuti Menjaga Anak telah diambil	: 200 hari							
Baki Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin	: 165 hari							

## Syarat Umum

Perenggan 10 (i):

**Kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak tidak tertakluk kepada tempoh perkhidmatan yang melayakkan, dan pegawai tidak perlu menghabiskan semua Cuti Rehat yang berkelayakan sebelum menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
12.	<p>Puan Nur baru berkhidmat selama 9 bulan. Pegawai sedang mengandungkan anaknya yang ketiga dan bercadang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak.</p> <p>Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin sebanyak 1,825 hari?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin dan tidak terikat dengan Cuti Bersalin terhad sehingga 1,825 hari kerana kemudahan ini tidak tertakluk kepada perkhidmatan yang melayakkan.</p>
13.	<p>Puan Tun mempunyai baki Cuti Rehat dari tahun semasa (2014) sebanyak 20 hari. Pegawai bercadang untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga</p>	<p>Pegawai <b>tidak perlu menghabiskan semua baki Cuti Rehat</b> sebelum menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak. Baki Cuti Rehat 20 hari boleh di bawa ke tahun</p>

<p>Anak selama 3 tahun selepas bersalin anak kedua pada Januari 2015.</p> <p>Apakah status baki Cuti Rehat pegawai? Bolehkah pegawai menggunakan baki Cuti Rehat apabila kembali bertugas kelak?</p>	<p>berikutnya dan adalah tertakluk kepada peraturan membawa ke hadapan cuti yang tidak dapat diambil yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, iaitu pegawai dibenarkan mengumpul baki Cuti Rehatnya yang ia berkelayakan dalam tempoh dua (2) tahun perkhidmatan, ke tahun ketiga. Cuti tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan luput pada akhir tahun ketiga itu.</p>
--	---

Perenggan 10 (ii):

**Kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini tidak menjejaskan kelayakan pegawai bagi kemudahan Cuti Separuh Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 13 dan 51 Bab C (Cuti) Tahun 1974 serta Cuti Tanpa Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 14 dan 52 Bab C (Cuti) Tahun 1974.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
14.	<p>Puan Faisza berhasrat untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin sebanyak 250 hari untuk menjaga anaknya yang sakit.</p> <p>Namun demikian, memandangkan kemudahan Cuti Menjaga Anak ini merupakan Cuti Tanpa Gaji, pegawai risau ia akan menjejaskan kelayakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 Bab C (Cuti) Tahun 1974.</p> <p>Apakah pegawai masih layak untuk menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 Bab C (Cuti) Tahun 1974 selepas menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji di bawah peruntukan Perintah Am 14 Bab C (Cuti) Tahun 1974 memandangkan kemudahan Cuti Menjaga Anak secara tanpa gaji adalah tidak terikat dengan tempoh perkhidmatan yang melayakkan dan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) dan Cuti Tanpa Gaji adalah merupakan dua kemudahan yang berbeza.</p>

Perenggan 10 (iii):

**Penggunaan kemudahan Cuti Menjaga Anak semasa pegawai berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS						
15.	<p>Puan Zarifah telah menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak di bawah Pekeliling Perkhidmatan terdahulu sebanyak 730 hari ketika pegawai berkhidmat di Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>Pada 2014, pegawai telah melepaskan jawatannya di Majlis Perbandaran Subang Jaya dan dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir, Gred N27 di Kementerian Sumber Manusia.</p> <p>Pegawai dijangka bersalin anak yang ketiga dan berhasrat untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang bersambung dengan Cuti Bersalin.</p> <p>Berapakah kelayakan kemudahan Cuti Menjaga Anak pegawai?</p>	<p>Pegawai layak sebanyak 1,095 hari. Pengiraan kelayakan Cuti Menjaga Anak adalah seperti yang berikut:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding-right: 20px;">Jumlah Cuti Menjaga Anak yang berkecayaan</td> <td style="text-align: right;">: 1,825 hari</td> </tr> <tr> <td style="padding-right: 20px;"><i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak yang telah digunakan di Majlis Perbandaran Subang Jaya</td> <td style="text-align: right;">: 730 hari</td> </tr> <tr> <td style="border-top: 1px solid black; padding-top: 5px;">Baki Cuti Menjaga Anak</td> <td style="border-top: 1px solid black; text-align: right;">: 1,095 hari</td> </tr> </table>	Jumlah Cuti Menjaga Anak yang berkecayaan	: 1,825 hari	<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak yang telah digunakan di Majlis Perbandaran Subang Jaya	: 730 hari	Baki Cuti Menjaga Anak	: 1,095 hari
Jumlah Cuti Menjaga Anak yang berkecayaan	: 1,825 hari							
<i>(tolak)</i> Cuti Menjaga Anak yang telah digunakan di Majlis Perbandaran Subang Jaya	: 730 hari							
Baki Cuti Menjaga Anak	: 1,095 hari							

Perenggan 10 (iv):

**Pegawai yang menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari dalam satu (1) tahun kalendar layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara isyarat, tertakluk kepada maksimum sebanyak tiga (3) kali pergerakan gaji secara isyarat bagi sepanjang tempoh perkhidmatan.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
16.	<p>Puan Hasniza seorang Pembantu Tadbir, Gred N17 bercadang mengambil Cuti Menjaga Anak pada 1 April 2015.</p> <p>Pegawai melapor diri bertugas semula pada 2 Mac 2019. Tarikh Pergerakan Gaji pegawai adalah pada 1 Julai.</p>	<p>Pegawai layak dipertimbangkan pergerakan gaji secara isyarat sepanjang tempoh Cuti Menjaga Anak tertakluk kepada maksimum sebanyak tiga (3) kali pergerakan gaji secara isyarat bagi sepanjang tempoh perkhidmatan dengan pengiraan seperti berikut:</p>

<p>Adakah pegawai layak dipertimbangkan pergerakan gaji sepanjang tempoh Cuti Menjaga Anak pegawai?</p>	<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
	1 April 2015	1,069.93	Mula Cuti Menjaga Anak.
	1 Julai 2015	1,164.93	Tarikh Pergerakan Gaji. Pegawai diberi Pergerakan Gaji Biasa tetapi tidak dibayar kerana sedang Cuti Menjaga Anak.
	1 Julai 2016	1,259.93 (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali pertama</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2016 (Cuti Tanpa Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
	1 Julai 2017	1,354.93 (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali kedua</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2017 (Cuti Tanpa Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
	1 Julai 2018	1,449.93 (secara isyarat)	Tarikh Pergerakan Gaji. Pergerakan Gaji Biasa <b>secara isyarat kali ketiga</b> kerana Cuti Menjaga Anak melebihi 180 hari pada tahun 2018 (Cuti Tanpa Gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991).
	2 Mac 2019	1,449.93	Tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas. <b>Pegawai dibayar gaji sebanyak RM1,449.93.</b>
	1 Julai 2019	1,544.93	Pegawai diberikan Pergerakan Gaji Biasa.

Perenggan 10 (vi):

**Bagi pegawai dalam tempoh percubaan dan telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak, tempoh percubaannya dibekukan dan akan disambung semula mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas. Walau bagaimanapun, pegawai boleh dikehendaki mengikuti kursus atau peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
17.	<p>Puan Syaifena telah diluluskan kemudahan Cuti Menjaga Anak sebanyak 185 hari meskipun pegawai masih di dalam tempoh percubaan dan belum menduduki kursus induksi.</p> <p>Apakah status tempoh percubaan pegawai?</p>	<p>Tempoh percubaan Puan Syaifena akan dibekukan dan akan disambung semula mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas. Walau bagaimanapun, pegawai boleh dikehendaki mengikuti kursus atau peperiksaan Jabatan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dan tuntutan perjalanan dibuat melalui Ketua Jabatan berdasarkan surat arahan.</p>

## Tatacara Permohonan

Perenggan 11(ii):

**Permohonan untuk menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh kuat kuasa Cuti Menjaga Anak.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
18.	<p>Anak Puan Katherina yang berusia dua (2) tahun telah terlibat dengan kemalangan. Pegawai tidak mempunyai baki Cuti Rehat yang berkelayakan dan ingin memohon Cuti Menjaga Anak mulai dari hari anaknya dimasukkan ke hospital sehingga anaknya sembuh. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak memandangkan tempoh permohonan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh kuat kuasa?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan pegawai kurang daripada tempoh 30 hari sebelum tarikh kuat kuasa Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin dalam keadaan kecemasan seperti kemalangan dan anak sakit serta berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.</p>

Perenggan 11(iv):

**Permohonan dikemukakan kepada Ketua Jabatan menggunakan Borang Permohonan Kemudahan Cuti Menjaga Anak 1/15 seperti di Lampiran A di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini berserta salinan dokumen-dokumen yang berikut:**

BIL.	SOALAN		
19.	<p>Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan jika pegawai mengemukakan permohonan Cuti Menjaga Anak bagi anak seperti yang berikut:</p> <p>(a) anak kandung;                      (b) anak tiri tanggungan;                      (c) anak angkat de facto;                      (d) anak angkat; dan                      (e) anak pelihara.</p>		
<b>MAKLUM BALAS</b>			
<p>Pegawai hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang berikut:</p>			
	<b>Kategori anak</b>	<b>Borang Permohonan Cuti Menjaga Anak (Lampiran A)</b>	<b>Sijil Kelahiran Anak/ MyKid (Lampiran 1/ Lampiran 2)</b>
	<b>Dokumen lain</b>		
	Anak kandung	✓	✓
	Anak tiri tanggungan	✓	✓
	Anak angkat <i>de facto</i>	✓	✓ (jika ada)
	Anak angkat	✓	✓
	Anak pelihara	✓	✓ (jika ada)
			Perakuan bersalin seperti di <b>Lampiran 3</b> . Sijil Pendaftaran Nikah/ Sijil Perkahwinan seperti di <b>Lampiran 4</b> . Sijil Pendaftaran Pengangkatan yang dikeluarkan oleh JPN seperti di <b>Lampiran 5</b> . Sijil Kelahiran Anak/ My Kid bagi pengangkatan di bawah Perintah Mahkamah seperti di <b>Lampiran 6</b> . (i) Perintah Mahkamah Bagi Kanak-kanak seperti di <b>Lampiran 7</b> ; atau (ii) Surat Tawaran Anak Pelihara oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat seperti di <b>Lampiran 8</b> ; atau (iii) Borang 13 Akta Kanak-

				kanak 2001 Kebenaran Bagi Pengambilan Kanak-kanak seperti di <b>Lampiran 9.</b>
Anak OKU	✓	✓		Kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM seperti di <b>Lampiran 10.</b>

Perenggan 11 (vi):

**Pegawai dikehendaki melapor diri bertugas sebaik sahaja tamat tempoh Cuti Menjaga Anak atau apabila hubungan antara pegawai dan anak di perenggan 7(i) terputus atas sebab kematian anak atau lucut hak penjagaan.**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
20.	<p>Puan Hani berkahwin dengan Encik Yen, seorang bapa tunggal yang mempunyai seorang anak perempuan berumur tiga (3) tahun.</p> <p>Pegawai mengambil Cuti Menjaga Anak bagi tujuan menjaga anak tiri tanggungan. Dalam tempoh sedang bercuti menjaga anak, pegawai telah bercerai dengan suami beliau.</p> <p>Bolehkah pegawai meneruskan Cuti Menjaga Anak yang telah diluluskan?</p>	<p>Pegawai tidak layak untuk meneruskan baki Cuti Menjaga Anak kerana tidak lagi memenuhi tafsiran anak tiri tanggungan yang tinggal bersama pegawai selepas perceraian tersebut.</p>

## Tanggungjawab Ketua Jabatan

Perenggan 12 (i):

**Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memberi pertimbangan dan kelulusan sewajarnya terhadap permohonan pegawai dengan mengambil kira keperluan perkhidmatan supaya penyampaian perkhidmatan tidak terjejas khususnya bagi perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) mengikut perkhidmatan yang disenaraikan di bawah Jadual Satu (1), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
21.	Apakah perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) yang disenaraikan di bawah Jadual Satu (1), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].	<p>Perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) yang disenaraikan di bawah Jadual Satu (1), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan Perbankan.</li> <li>2. Perkhidmatan Elektrik.</li> <li>3. Perkhidmatan Bomba.</li> <li>4. Pelabuhan, dok, perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan, tongkang, pengendalian kargo, ilmu pelayaran dan penyimpanan atau pukal komoditi.</li> <li>5. Perkhidmatan pos.</li> <li>6. Perkhidmatan Penjara.</li> <li>7. Pengeluaran, penapisan, penyimpanan, pembekalan dan pengedaran bahan bakar dan pelincir.</li> <li>8. Perkhidmatan kesihatan awam.</li> <li>9. Perkhidmatan pengurusan sisa awam.</li> <li>10. Perkhidmatan komunikasi radio, termasuk perkhidmatan penyiaran dan televisyen.</li> <li>11. Perkhidmatan telegraf, perkhidmatan telefon dan telekomunikasi.</li> </ol>

	<p>12. Perkhidmatan Pengangkutan melalui darat, air atau udara.</p> <p>13. Perkhidmatan air.</p> <p>14. Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Kimia.</li><li>(ii) Penerbangan Awam.</li><li>(iii) Kastam dan Eksais.</li><li>(iv) Imigresen.</li><li>(v) Laut.</li><li>(vi) Meteorologi.</li><li>(vii) Percetakan.</li></ul> <p>15. Perkhidmatan yang berkaitan dengan, atau yang membantu terhadap, pemeliharaan dan fungsi angkatan tentera dan Pasukan Polis DiRaja Malaysia.</p> <p>16. Perniagaan dan industri yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian di dalam mana-mana perkhidmatan, atau kerja yang mana keselamatan pekerja di dalamnya atau pertubuhan yang berkaitan dengannya bergantung.</p> <p>17. Industri yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta sebagai industri perlu kepada ekonomi Malaysia.</p> <p>Senarai perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services) yang disenaraikan di bawah Jadual Satu (1), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] adalah berdasarkan kesesuaian dalam Perkhidmatan Awam dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.</p>
--	--

# LAMPIRAN 1

## CONTOH SIJIL KELAHIRAN ANAK (JPN.LM05)

JPN.LM05				KERAJAAN MALAYSIA GOVERNMENT OF MALAYSIA				 100212-16-0101	
Kawalan-Kawalan Pendaftaran Kelahiran dan Kemahiran 1956 (Kawalan 7) Birth and Death Registration Rules 1956 (Rule 7)								No. Daftar Register No. CG 10000	
Kawasan Pendaftaran Registration Area				Pusat Pendaftaran Registration Centre					
<b>KANAK-KANAK / CHILD</b>									
Nama Penuh Full Name									
Tarikh dan Waktu Kelahiran Date and Time of Birth				Tempat Kelahiran Place of Birth					
Keturunan Race									
Taraf Kewarganegaraan Status of Citizenship		Jantina Gender		Agama Religion					
<b>BAPA / FATHER</b>									
Nama Name									
No. Kad Pengenal Identity Card No.		Umur Age		Jenis dan No. Dokumen Lain Types and No. of Other Document					
Taraf Kewarganegaraan Status of Citizenship		Keturunan Race		Maklumat Tidak Lengkap					
Taraf Pemastautin Status of Residence		Keturunan Race		Agama Religion					
<b>IBU / MOTHER</b>									
Nama Name									
No. Kad Pengenal Identity Card No.		Umur Age		Jenis dan No. Dokumen Lain Types and No. of Other Document					
Taraf Kewarganegaraan Status of Citizenship		Keturunan Race		Agama Religion					
Alamat Tempat Tinggal Residence Address									
<b>PEMAKLUM / INFORMANT</b>									
Nama Name									
No. Kad Pengenal Identity Card No.		Umur Age		Jenis dan No. Dokumen Lain Types and No. of Other Document					
Taraf Kewarganegaraan Status of Citizenship		Keturunan Race		Agama Religion					
Taraf Pemastautin Status of Residence		Keturunan Race		Agama Religion					
Tarikh Pendaftaran Date of Registration									
									
Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran. Certified as a true extract from the Register of Births.									

## LAMPIRAN 2

### CONTOH MYKID



### LAMPIRAN 3

#### CONTOH PERAKUAN BERSALIN

No. Siri: \_\_\_\_\_

**DEMC** DEMC Management Sdn. Bhd. (377907-V)  
Specialist Hospital • Shah Alam  
No. 4, Jalan Ikhtisas, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5515 1888 Fax: 03-5515 1815  
www.demconline.com

---

**SURAT AKUAN TARIKH BERSALIN**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa Puan .....  
..... No. Kad Pengenal .....  
dari Kementerian/Jabatan .....  
.....  
telah berjumpa ..... di Pusat Perubatan Darul Ehsan (DEMC)  
..... (Tarikh)

\_\_\_\_\_ (Tandatangan Pakar/Pegawai Perubatan  
Jabatan Obstetrik & Ginekologi)

\_\_\_\_\_ (Cop Rasmi Hospital)

---

Catatan: Sila kemukakan surat akuan ini kepada majikan untuk penentuan kemudahan cuti/cuti bersalin berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada.

Definisi WHO terhadap "Kelahiran" - Kelahiran fetus yang berusia lebih daripada 22 minggu gestasi atau berat lebih daripada 500 gram tidak kira samada dilahirkan hidup atau mati.



**HOSPITAL PUTRAJAYA**  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 7  
62250 Putrajaya  
Tel: 03-8312 4200 Fax: 03-8888 0137  
Laman Sesawang: <http://www.hpj.gov.my>



**Date :**  
**Time :**

Ruj :JPA  
Ruj :KKM

Nombor Siri:

**SURAT AKUAN TARIKH BERSALIN**

Dengan ini mengesahkan bahawa,

Puan: \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

dari Kementerian/ Jabatan YANG BERKENAAN

telah bersalin pada \_\_\_\_\_

(tarikh/ masa)

(Hospital/ Klinik/ Tempat Bersalin)

(Tandatangan Pakar/ Pegawai Perubatan  
Jabatan Obstetrik & Ginekologi)

Hospital/ Klinik  
(Cop Rasmi)

(Nama Penuh)

LAMPIRAN 4

CONTOH SIJIL PENDAFTARAN NIKAH

CJB 191251

اينقمين اونداغ ۲ كلوارگ اسلام (نگري جوهر) 2003

بوراغ 8

[ سيكشين 26 ]

سيجيل نكاح

ادالين ديوركن بوا...  
كاد فتر...  
علامت...  
نله دعقدنكاجكن دشن صبح ميكيوة...  
عمور...  
نذ... ذوالحجه 1430...  
برقغه د... نمبر 74 جان باتو فتهت...  
جوهر دار التطليم...  
ننداغن...  
فلفلقر...  
نم دان چرف رسمي

CONTOH

LAMPIRAN 5

CONTOH SIJIL PENDAFTARAN PENGANGKATAN DE FACTO (AM 233)

(Am 233 - Pin. 1/2008)  
 (Item 233 - Amendment 10008)



JADUAL PERTAMA  
 FIRST SCHEDULE  
 NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU  
 STATES OF MALAYA  
 AKTA PENDAFTARAN PENGANGKATAN, 1952  
 REGISTRATION OF ADOPTION ACT 1952

SALINAN YANG DIPERAKUI BAGI CATATAN DALAM DAFTAR  
 CERTIFIED COPY FOR MINUTES IN THE REGISTER  
 (Sekyen 7; Aturan 6)  
 (Section 7; Rule 6)



C No. 000000



060606 - 06 - 0038

Daftar Anak Angkat bagi JPN MALAYSIA PUTRAJAYA dalam Negeri W.PERSEKUTUAN (PUTRAJAYA)  
 Adoption Register for \_\_\_\_\_ in the State of \_\_\_\_\_

No. Catatan No. of Entry	Tarikh, Tempat dan Negeri Lahir Kanak-kanak Date, Place and State of the Child's Birth	Nama dan Nama-Keluarga Kanak-kanak Name and Surname of the Child	Jantina Gender	Nama, Nama Keluarga, Alamat Penuh dan Pekerjaan Ibu atau Bapa Angkat Name, Surname, Full Address and Foster Mother's or Father's Occupation	Tarikh, Tempat Pendaftaran dan Nama Pendaftar Date, Registration Place and Name of the Registrar	Tandatangan Pen Registrar's Signat
CONTOH						

Didaftarkan oleh saya pada \_\_\_\_\_ hari/ulan \_\_\_\_\_ atas permohonan \_\_\_\_\_ yang sekarang ini  
 Registered by me on the \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ upon application \_\_\_\_\_ who is currently res  
 di \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ yang sekarang ini  
 at \_\_\_\_\_ and \_\_\_\_\_ who is currently res  
 di \_\_\_\_\_ ibu atau Bapa Angkat.  
 at \_\_\_\_\_ Foster Mother or Father.  
 Pendaftar Pengangkatan  
 Adoption Registrar  
 Pendaftar Besar Pengangkatan  
 Registrar General of Adoption

Menurut peruntukan-peruntukan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Aturan-aturan yang di bawahnya, saya memperakui bahawa yang di atas itu adalah salinan benar dan bet.  
 Pursuant to Registration of Adoption Act 1952 provisions and Rules made under it, I certified that the above is a true and correct copy for

No. Catatan \_\_\_\_\_ dalam Daftar Anak Angkat bagi \_\_\_\_\_ dalam Negeri \_\_\_\_\_  
 Entry No. \_\_\_\_\_ in the Adoption Register for \_\_\_\_\_ in the State of \_\_\_\_\_  
 Pendaftar Pengangkatan  
 Adoption Registrar  
 Pendaftar Besar Pengangkatan  
 Registrar General of Adoption

[ Borang ini diterbitkan oleh Peguam Negara Malaysia, menurut Pemberitahu Undangan No. 12 tahun 1964-PN 3630/5-XR;(22) dan RDFM (D) 290. ]

**LAMPIRAN 6**

**CONTOH SIJIL PENGANGKATAN MELALUI PERINTAH MAHKAMAH  
 (JPN.AA05)**

PENDAFTAR NEGARA MALAYSIA JPN AA05				KERAJAAN MALAYSIA GOVERNMENT OF MALAYSIA <b>SIJIL KELAHIRAN</b> BIRTH CERTIFICATE		 070516 - 14 - 1124 No. Daftar Register No. <b>00013214</b>
Kawasan Pendaftaran <i>Registration Area</i>			Pusat Pendaftaran <i>Registration Centre</i>			
<b>KANAK-KANAK / CHILD</b>						
Nama Penuh <i>Full Name</i>						
Tarikh dan Waktu Kelahiran <i>Date and Time of Birth</i>			Jantina <i>Gender</i>			
Tempat Kelahiran <i>Place of Birth</i>			Taraf Kewarganegaraan <i>Status of Citizenship</i>			
<b>BAPA / FATHER</b>						
Nama <i>Name</i>						
No. Kad Pengenal <i>Identity Card No.</i>		Umur <i>Age</i>	Jenis dan No. Dokumen Lain <i>Types and No. of Other Document</i> <b>PASPORT</b>			
Taraf Pemastautin <i>Status of Residence</i>			Agama <i>Religion</i>			
<b>IBU / MOTHER</b>						
Nama <i>Name</i>						
No. Kad Pengenal <i>Identity Card No.</i>		Umur <i>Age</i>	Jenis dan No. Dokumen Lain <i>Types and No. of Other Document</i>			
Taraf Pemastautin <i>Status of Residence</i>			Agama <i>Religion</i>			
Alamat Tempat Tinggal <i>Residence Address</i>						
No. Siri <i>Serial No.</i> : A			Disahkan bahawa maklumat di atas adalah betul. <i>Certified that the above information is correct.</i>			
Tarikh Pendaftaran <i>Date of Registration</i> :						
No. Daftar Kelahiran <i>Birth Register No.</i> : --						
No. Rujukan <i>Reference No.</i> : --						
			_____ PENDAFTAR BESAR KELAHIRAN & KEMATIAN MALAYSIA REGISTRAR GENERAL BIRTHS & DEATHS MALAYSIA			

LAMPIRAN 7

CONTOH PERINTAH MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK

[Peraturan 2]  
Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Borang dan Daftar Ditetapkan) 2007



**BORANG 3**

PERINTAH UNTUK MELETAKKAN KANAK-KANAK DALAM  
JAGAAN ORANG YANG LAYAK DAN SESUAI  
[DI BAWAH PERENGGAN 30(1)(b) DAN SEKSYEN 30(8)  
AKTA KANAK-KANAK 2001]

**DALAM NEGERI MALAYSIA PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
PEMBERIAN NO: \_\_\_\_\_  
DALAM PERKARA : \_\_\_\_\_

Seorang kanak-kanak yang dikenali sebagai: \_\_\_\_\_ \***lelaki/ perempuan**, umur : \_\_\_\_\_ \***No. Sijil Kelahiran/Kad Pengenalan No:** \_\_\_\_\_ telah dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah seksyen \*19/25 Akta Kanak-Kanak 2001 dan Mahkamah berpuas hati bahawa kanak-kanak itu ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam jagaan \_\_\_\_\_ **Kad Pengenalan No/No. passport.:** \_\_\_\_\_  
DAN \_\_\_\_\_ **Kad Pengenalan No/No. passport.:** \_\_\_\_\_ (*Nama \*ibu / bapa / penjaga/ orang yang layak dan sesuai*) Alamat: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ (*Alamat orang yang layak dan sesuai*) bagi tempoh \_\_\_\_\_

DENGAN INI DIPERINTAHKAN SELANJUTNYA supaya \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ **Kad Pengenalan No/No. passport.:** \_\_\_\_\_ DAN \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ **Kad Pengenalan No/No. passport.:**

\_\_\_\_\_ (Nama \*ibu / bapa / penjaga/ orang yang layak dan sesuai)

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ mematuhi syarat atau arahan yang berikut:

1. Kanak-Kanak dikehendaki berjumpa Pelindung untuk tempoh 3 tahun.
2. Pelindung pada bila-bila masa berhak untuk hadir dan melawat kanak-kanak di rumah atau di mana-mana kanak-kanak berada.
3. Orang Yang Layak hendaklah dari masa ke masa hendaklah berbincang dengan Pegawai Pelindung sekiranya timbul sebarang masalah.
4. Orang Yang Layak tidakkl dibenarkan memohon penjagaan kanak-kanak ke tangan orang lain tanpa proses yang sah disegi undang-undang.
5. Orang Yang Layak hendaklah memberikan pendidikan dan kasih sayang ke atas anak-anak tanpa sebarang diskrimasi dengan anak-anak yang lain.

Ditandatangani di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_ hari bulan \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_.



.....  
Majistret  
Mahkamah Bagi Kanak-Kanak  
Kuala Lumpur

Catatan: \*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]  
Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Borang dan Daftar Ditetapkan) 2007

BORANG 6

PERINTAH UNTUK MELETAKKAN KANAK-KANAK DALAM PEMELIHARAAN, JAGAAN  
DAN KAWALAN IBU ATAU BAPA PELIHARAAN

[DI BAWAH PERENGGAN 30(1)(e) DAN SUBSEKSYEN 30(8)  
AKTA KANAK-KANAK 2001]

DALAM MAHKAMAH BAGI KANAK-KANAK DI ..... DALAM NEGERI .....  
MALAYSIA

PERMOHONAN NO : .....

DALAM PERKARA : .....

Seorang kanak-kanak yang dikenali sebagai ..... \*laki / perempuan;  
umur : ..... Keahlian / Kad Pengenalan No : .....  
telah dibawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah seksyen \*19 / 25 Akta dan  
Mahkamah berpuas hati bahawa kanak-kanak itu ialah seorang kanak-kanak yang  
memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan,  
jagaan dan kawalan .....

(Nama ibu atau bapa peliharaan yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah)

Bermula dari tarikh perintah ini sehingga ..... (dua tahun dari tarikh Perintah  
ini atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana  
yang lebih pendek).

DIPERINTAHKAN SELANJUTNYA kanak-kanak itu diletakkan di .....  
..... sementara menantikan ibu atau bapa peliharaan  
yang sesuai didapatkan.

DIBERIKAN di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah Bagi Kanak-Kanak  
di ..... pada ..... hari bulan ..... tahun .....



## LAMPIRAN 8

### CONTOH SURAT TAWARAN ANAK PELIHARA OLEH KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT



#### KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

*Director General of Social Welfare*  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
*Department of Social Welfare*  
Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA.



Tel : 603 - 8323 1777  
Faks (Fax) : 603 - 8323 2092  
Laman Web : [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)  
(Website)

Ruj. Kami :  
Tarikh :

(Nama Pemohon)  
(Alamat Pemohon)  
(Alamat Pemohon)  
(Alamat Pemohon)

Tuan,

#### **TAWARAN ANAK PELIHARA DI BAWAH SEKSYEN 30(1)(e) AKTA PERANAK-KANAK 2001**

Dengan hormatnya perkara tersebut adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimohonkan bahawa tuan ditawarkan seorang Anak Pemohon dengan butiran berikut mengikut syarat-syarat penempatan seperti Lampiran A :-

**Nama** :

**Tarikh Lahir** :

**No. Sijil Kelahiran** :

**Rumah Kanak-Kanak** :

**No. Telefon** :



3. Tuan diminta memberi maklum balas sama ada bersetuju atau menolak tawaran ini dengan menghubungi **Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah** di talian \_\_\_\_\_ pada atau sebelum \_\_\_\_\_. Tuan diminta mengemukakan surat ini kepada Pengetua Rumah Kanak-Kanak bagi tujuan pengambilan Anak Pelihara yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“BERKAT BERJASA”**

Saya yang menurut perintah,

**(KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT)**

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
2. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
3. Pengarah Bahagian Kanak-kanak
4. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
5. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
6. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah  
(Pegawai Pelindung Asal)
7. Pengetua Institusi

**LAMPIRAN 9**

**CONTOH BORANG 13 AKTA KANAK-KANAK 2001  
KEBENARAN BAGI PENGAMBILAN KANAK-KANAK**

BORANG 13  
AKTA KANAK-KANAK 2001  
[\*Perenggan 35(3)(b) / perenggan 37(5)(b)]

KEBENARAN BAGI PENGAMBILAN KANAK-KANAK

Saya .....  
(Nama dan alamat Pengambil)

Kad Pengenal No. : ..... telah membuat siasatan di bawah subseksyen \*35(2) / 37(4) Akta tentang pengambilan seorang kanak-kanak yang dikenali sebagai ..... lelaki / perempuan. Umur:..... \*Sijil Kelahiran No. / Kad Pengenal No.: ..... oleh.....  
(Nama orang yang mengambil kanak-kanak)

Kad Pengenal No.: ..... daripada.....  
(Nama orang yang dalam pemeliharaan kanak-kanak itu berada pada masa pengambilan)

Kad Pengenal No.: ..... pada .....

DENGAN INI DIBENARKAN supaya .....  
(Nama orang yang mengambil kanak-kanak)

mengambil kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya mengikut terma atau syarat – syarat yang berikut:

.....

.....

.....  
.....

DIBERIKAN di bawah tandatangan saya dan cap rasmi Pelindung  
di.....pada.....hari bulan .....tahun.....

.....  
(Tandatangan Pelindung)

Nama : .....

Alamat pejabat .....

Catatan : \*Potong mana-mana yang tidak diperlukan.

CONTOH

## LAMPIRAN 10

### CONTOH KAD ORANG KURANG UPAYA (OKU)

